



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 17 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TERIMA KASIH MAFI, NATION, SIN CHEW DAILY -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	10 TUKUN TIRUAN HALANG BOT PUKAT TUNDA, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	AGROPRENEUR MUDA LEBIH KREATIF KETIKA PKP, NASIONAL, SH 6 & 7	UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)
4.	MAKANAN, SAYUR UNTUK RAKYAT TERJEJAS, NEGERI KELANTAN, SH -28	LAIN-LAIN
5.	DURI HITAM JADI HADIAH EKSKLUSIF, NEGARA, KOSMO -7	
6.	LANGKAH STRATEGIK 'TALIAN HAYAT' PKS KEKAL OPERASI KETIKA PANDEMIK, KOMENTAR, BH -11	
7.	KEREPEK HOME PILIHAN PENGGEMAR KEREPEK, BISNES SINAR, SH -31	

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Headline	Ronald Kiandee thanks his subordinates		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	17 Aug 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	9	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	121 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,667
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,000



TERIMA KASIH MAFI

Terima kasih kepada YBTM I, YBTM II, KSU, TKSU(O), TKSU(P), Ketua-Ketua Pengarah, Ketua-Ketua Jabatan dan seluruh warga MAFI atas kerjasama yang diberikan sepanjang saya menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mulai 10 Mac 2020 hingga 16 Ogos 2021.

Dr Ronald Kiandee

Wisma Tani Putrajaya 16 Ogos 2021

#TerimaKasihMAFI #TerimaKasihMAFI #TerimaKasihMAFI

羅納建迪向下屬道謝

来自沙巴上国党的原任农业及食物工业部长拿督罗纳建迪，在内阁总辞后，在个人脸书上载一张合照，并向下属包括副部长、秘书长及全体官员道谢，感谢官员们在他上任一年零3个月期间给予的合作。也是比鲁兰区国会议员的罗纳建迪是在去年3月10日出任部长。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/8/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/ SELANGOR/KL	24

10 tukun tiruan halang bot pukat tunda

Tukun simen bernilai RM325,000 dilabuhkan pada kedalaman 15 meter

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Jabatan Perikanan Pahang telah melabuhkan 10 unit tukun tiruan jenis konkrit kuboid juvenil di perairan Cherok Paloh sebagai salah satu usaha menambah kawasan pembiakan ikan di perairan negeri ini.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, tukun tiruan yang diperbuat daripada simen bernilai RM325,000 itu dilabuhkan pada kedalaman 15 meter dan 4.5 batu nautika dari kawasan pantai.

"Menurut kajian yang di-



Abdullah (tengah), Hamdan (kiri) dan Kamaruddin pada program melabuhkan 10 unit tukun tiruan jenis kuboid juvenil di perairan Cherok Paloh pada Isnin.

lakukan, selepas enam bulan kawasan itu akan menjadi habitat baharu kepada pelbagai jenis ikan, tumbuhan karang dan hidupan marin lain.

"Malah tukun tiruan ini juga akan menjadi penghalang atau penyekat kepada aktiviti nelayan pukat tunda yang sebelum ini dilaporkan banyak

berlaku di perairan negeri ini," katanya ketika ditemui selepas program melabuhkan 10 unit tukun tiruan konkrit kuboid juvenil di perairan Cherok Paloh pada Isnin.

Hadir sama Datuk Bandar Kuantan, Datuk Hamdan Hussin dan Pengurus Besar Tourism Pahang, Kamaruddin

Ibrahim.

Dalam pada itu, Abdullah turut menjelaskan tukun tiruan jenis itu bakal memberi faedah kepada lebih 2,058 nelayan tradisi berdaftar.

Beliau berkata, pihaknya yakin daerah ini akan terus menjadi destinasi pelancongan memancing di kawasan tukun tiruan dan dapat memberi pendapatan tambahan kepada pengusaha bot memancing.

"Dalam tempoh 13 tahun, kita sudah melabuhkan 262 tukun tiruan konkrit di beberapa perairan di negeri ini seperti di perairan Cherating, Rompin, Pekan dan Pulau Tioman membabitkan peruntukan lebih RM4.4 juta.

"Pada 2007 sebanyak 60 tukun tiruan jenis rekreasi dilabuhkan di perairan negeri ini manakala tahun lalu 16 tukun jenis kuboid dilabuhkan di perairan Pekan dekat Kampung Nenasi," katanya.

Agropreneur muda lebih kreatif ketika PKP

PAM lahirkan usahawan muda dan berjaya

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

KEPALA BATAS

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak tahun lalu membuatkan seorang anak muda lebih kreatif apabila menghasilkan produk inovasi untuk terus 'bernafas'.

Pemilik Rasna Bukhari Enterprise, Muhammad Bukhari Mohd Rashid berkata, perniagaan ternakan kambing tenusunya agak suram susulan kurang tempahan daripada pelanggan selepas negara dilanda wabak Covid-19.

Muhammad Bukhari, 28, berkata, idea untuk menghasilkan produk inovasi tercetus selepas dia tidak dapat menjual susu kambing secara terus kepada pelanggannya.

"Saya mengambil cabaran perniagaan ketika PKP ini de-

ngan mencipta produk inovasi daripada susu kambing antaranya keju, dadiah dan kefir (yogurt). Semua ini saya proses sendiri.

"Selain produk tenusu, saya memproses najis kambing untuk dijadikan baja. Saya juga menjual benih rumput yang mana bahagian atas dijadikan makanan kambing manakala bahagian bawah saya jual sebagai benih rumput.

"Semua produk inovasi saya ini dijual di media sosial seperti Facebook dan Instagram. Bagi baja dan susu kambing pula, selain lebih 20 ejen saya di Lembah Klang dan di kawasan utara, saya juga menjualnya di Lazada dan Shopee," katanya.

Muhammad Bukhari yang kini mempunyai 64 ekor kambing berkata, dia juga menjual anak kambing jantan kepada pembeli sebagai alternatif perniagaan.

"Jika dahulu saya selalu masuk ekspo dan menjual produk secara terus, namun kini sudah tiada. Oleh itu, untuk mengekalkan perniagaan, saya perlu mencari jalan lain demi



Ahmad Hedri Muzammil (kanan) menunjukkan anak pokok cili kepada Ahmad di kebunnya di Guar Perahu, Kubang Semang.

kelangsungan hidup sejak awal tahun ini.

"Sambutan amat membebankan walaupun hanya jual dalam talian. Alhamdulillah, dengan pelaburan RM25,000, perniagaan yang saya usahakan sejak 2015 ini mampu bertahan sehingga sekarang," katanya.

Geran

Muhammad Bukhari yang berkelulusan Diploma Kawalan Nümerikal Komputer itu berkata, dia menerima bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) pada tahun 2019 berjumlah RM20,000.

"Saya terima geran melalui Program Agropreneur Muda (PAM) ini dalam bentuk terpat memproses baja organik dan stor simpanan makanan ternakan.

"Saya bersyukur kerana ia membantu mengembangkan lagi perniagaan yang dijalankan atas tanah milik arwah ayah," katanya.

Pengusaha sayur secara sistem fertigasi, Ahmad Hedri Muzammil Abdul Malik, 28, pula berkata, dia bersyukur kerana menerima bantuan geran berjumlah RM20,000 sejak tahun 2019.

Ahmad Hedri Muzammil yang menjalankan projek tanaman sayuran di Guar Perahu, Kubang Semang berkata, dengan bantuan tersebut selain rajin berusaha, dia mampu menjana pendapatan sehingga RM77,880 setahun.

"Saya mulakan perniagaan pada 2017 dengan hanya 500 polibeg dan kini saya mempunyai hampir 10,000 polibeg. Saya mengusahakan perniagaan ini di atas tanah keluarga setuas

1.61 hektar.

"Saya menanam timun, cili, petola dan peria. Saya memulakan perniagaan kerana minat namun bersyukur mendapat bantuan geran melalui PAM.

"Melalui geran ini, saya dapat menjadikan kebun saya lebih baik dengan penerimaan tiang konkrit, pam air dan politank. Bantuan seumpama ini sangat bagus kerana ia membantu usahawan seperti saya untuk terus berjaya," katanya.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Geomatik itu berkata, perniagaannya menurun antara 30 hingga 40 peratus sepanjang pelaksanaan PKP ini.

"Walaupun saya mempunyai kerja tetap sebagai juruukur, namun terasa juga apabila perniagaan menurun sedikit.

"Permintaan sayur-sayuran kurang kerana ada kedai makan yang tidak buka selain kenduri pun tidak boleh diadakan. Ditambah cabaran lain seperti cuaca dan serangan serangga serta kulat," katanya.

Dalam pada itu, pemilik Ifa Homemade Bakeri, Fasiah Nordin, 34, pula berkata, dia mula menjalankan perniagaannya dari rumah secara sambilan sahaja berikutan ketika itu, dia bekerja sebagai kerani di sebuah syarikat.

Menurutnya, selepas mendapat permintaan yang tinggi, dia yang menjalankan perniagaan di Paya Keladi, Kepala Batas akhirnya berhenti kerja dan menjalankan perniagaan pastrri serta kek sepenuh masa.

"Saya mengambil keputusan untuk membina kedai di atas tanah suami dan mula beroperasi di situ pada Disember tahun lalu.

Syarat kelayakan pemohon

- Warganegara Malaysia
- Berusia 18 hingga 40 tahun
- Boleh membaca, mengira dan menulis

Keutamaan kepada individu yang mempunyai tanah atau premis sedia ada untuk pelaksanaan projek

Program Agropreneur Muda merangkumi:

- Tanaman (fertigasi, lebah madu, buah-buahan, sayur-sayuran)
- Ternakan (lembu, kambing, ayam kampung, itik dan perkhidmatan sokongan dan input pertanian)
- Partikular (akuekultur sangkar, penangkapan ikan, pembenihan dan perkhidmatan sokongan dan input pertanian)
- Industri makanan (projek pemroseseri bahan makanan dan bukan makanan; dalam sektor agromakanan)
- Agropelancongan (tanaman, ternakan, perkerian dan industri asas-tani)
- Pemasaran (karavan tani, food truck dan kiosk makanan bergerak)

"Syukur atas bantuan GAM bernilai RM15,000 pada 2019 iaitu dalam bentuk ketuhar, chiller dan beberapa barangan lagi. Dengan bantuan ini, ia melancarkan lagi perniagaan saya.

"Terima kasih kepada Kementerian kerana mengadakan inisiatif bantuan ini yang banyak membantu usahawan untuk berjaya dalam perniagaan mereka," katanya.



Ahmad Hedri Muzammil menunjukkan kebun tanaman sayur-sayuran di Guar Perahu, Kubang Semang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/8/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	7



Ahmad (kiri) memberi susu kepada kambing ternakan Muhammad Bukhari (tengah) di Kampung Tun Sardon, Bukit Mertajam.



Baja najis kambing adalah salah satu produk inovasi yang dihasilkan sendiri oleh Muhammad Bukhari.



Muhammad Bukhari (kanan) menerangkan sesuatu kepada Ahmad dalam silatun MAFI ke ladangnya di Kampung Tun Sardon, Bukit Mertajam.

Galakan

Ketiga-tiga mereka adalah antara agropreneur penerima bantuan di bawah PAM yang dilancarkan khas untuk golongan muda berusia antara 18 hingga 40 tahun.

Ia merupakan inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membantu usahawan muda dalam perniagaan mereka.

Sementara itu, Timbalan Menteri MAFI I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, program itu bertujuan membantu

dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan yang merangkumi kesemua bidang di sepanjang rantaian nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

Menurutnya, secara keseluruhannya, seramai 7,571 agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan PAM dari 1 Januari 2016 hingga 31 Julai 2021 yang berjumlah RM155 juta.

"Jumlah itu merangkumi 7,406 agropreneur muda se-

luruh negara telah menerima kelulusan GAM yang berjumlah RM131.86 juta.

"Daripada jumlah itu juga, 165 agropreneur muda telah menerima kelulusan pembiayaan PAM yang berjumlah RM23.13 juta.

"Bagi tahun ini, seramai 498 agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan GAM dari 1 Januari hingga 31 Julai lalu yang berjumlah RM9.91 juta," katanya.

Beliau berkata, bagi Pulau Pinang pula, seramai 240 agropreneur muda telah menerima kelulusan GAM sejak 1 Januari 2016 hingga 31 Julai tahun ini yang berjumlah RM 4.23 juta.

"Untuk tahun ini sahaja, 13 agropreneur di negeri ini telah menerima kelulusan GAM yang berjumlah RM260,000.

"Sementara itu, di kawasan Seberang Perai, seramai 36 agropreneur muda telah menerima kelulusan GAM se-

panjang program ini iaitu dari 2016 hingga Julai tahun ini dengan jumlah RM650,000," katanya.

Sasaran

Mengulas mengenai sasaran usahawan untuk tahun ini, Ahmad berkata, pihaknya menasaskan 760 usahawan muda dengan peruntukan yang disediakan berjumlah RM15 juta.

"Skop program ini merangkumi bantuan antaranya menyediakan bantuan geran berbentuk barangan sehingga RM20,000 bagi projek baharu, menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Khas Tekun Nasional sehingga RM50,000 dan Pakej Pembiayaan Agro-YES melalui Agrobank sehingga RM500,000

bagi projek pengembangan.

"Selain itu, ia juga menyediakan kursus jangka pendek, khidmat nasihat teknikal selain kewangan melalui jabatan dan agensi berkaitan di bawah kementerian.

"Dalam keadaan negara berdepan pandemik Covid-19, bantuan geran di bawah program ini dilihat amat bertepatan kerana usahawan antara golongan yang terkesan apabila perniagaan mereka terjejas akibat pelaksanaan PKP yang membataskan pergerakan orang ramai," katanya.

Ahmad sebelum itu telah mengadakan lawatan kerja ke Seberang Perai bagi meninjau perniagaan usahawan muda yang menerima bantuan di bawah PAM.

Katanya, tujuan utama lawatan itu adalah untuk merapatkan hubungan antara pihak kementerian dan golongan sasaran.

"Dalam masa sama, pihak kementerian juga boleh menyampaikan segala maklumat dan informasi berkaitan bantuan dan inisiatif kepada rakyat.

"Program turun padang ini akan diteruskan bagi membolehkan jabatan dan agensi yang memantau pelaksanaan projek di bawah PAM dapat berjumpa secara bersemuka dan saling berhubung dengan agropreneur muda sebagai usaha memperkasakan sektor ini," kata beliau.



Fasihah menjalankan perniagaan kek dan pastri sejak 12 tahun lalu.



Fasihah (kiri) menunjukkan ketuhtar yang diperolehi melalui GAM kepada Ahmad.

17/8/2021

SINAR

NEGERI

28

HARIAN

KELANTAN

Makanan, sayur untuk rakyat terjejas

Azyna Care Kota Bharu sumbang 900 set makanan, sayuran

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Rakyat terjejas Covid-19 di sekitar daerah ini menerima 500 set makanan dan 400 set sayur-sayuran yang diagihkan oleh Team Azyna Care Kota Bharu pada Selasa lalu.

Agihan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkenaan dilakukan dengan kerjasama Pejabat Penggawa Daerah Kota Bharu.

Pengurus NGO Team Azyna Care Kota Bharu,



Sebanyak 500 set bakul makanan, 400 set sayur-sayuran dan kuilh diagihkan kepada penduduk sekitar Kota Bharu.

“Tiak Pejabat Penggawa Daerah Kota Bharu pula banyak membantu menyediakan tempat serta kemudahan logistik selain menguruskan senarai penerima yang layak dari sekitar Kota Bharu.

“Agihan dilakukan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat,” katanya.

Tambahnya, program kali ini juga turut melibatkan ramai anak muda tempatan yang tampil membantu proses penyediaan serta pengagihan bakul makanan.

“Harapan kami sumbangan ini dapat memberi manfaat bagi meringankan beban keluarga yang terjejas teruk pada musim pandemik ini.

“Mudah-mudahan mereka sentiasa bersemangat untuk mengharungi cabaran hidup dalam suasana pandemik Covid-19 ini,” kata Umar Andy.

barangan makanan diperolehi daripada Persatuan Keluarga Syeikh Nik Mat Kechik, Persatuan Keluarga Hasyim dan Salbiah serta sumbangan individu dan syarikat Azyna Care Kota Bharu sendiri.

Umar Andy Kamaruddin berkata, seramai 1,700 penduduk telah menerima Set Bakul Makanan Gerobok Rezeki-bertula 30 Jun lalu.

“Bersempena dengan sambutan awal Muharam, se-

banyak 500 set bakul makanan,

400 set sayur-sayuran dan kuilh

telah diagihkan kepada pen-

duduk di sekitar Kota Bharu,”

katanya dalam satu kenyataan

kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Beliau berkata, sumbangan

Pekerja beri raja buah premium kepada bos sebelum musim berakhir

Duri hitam jadi hadiah eksklusif

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Durian duri hitam atau *black thorn* kini kembali menjadi rebutan dalam kalangan pelanggan terutama pengurus syarikat swasta untuk dijadikan hadiah eksklusif buat rakan perniagaan dan ketua mereka.

Perkara itu diakui peniaga dan pemilik dusun durian duri hitam, Tan Chee Keat, 30, yang memberitahu, ini berikutan musim pengeluaran raja buah premium yang dikenali sebagai *ochee* di negeri ini akan berakhir dua minggu lagi.

Menurut Chee Keat, dia tidak menyang tangan menyediakan tempahan membabitkan enam bakul durian duri hitam dengan berat keseluruhan lebih 300 kilogram setiap hari.

"Kebanyakan pelanggan terdiri daripada pengurus kilang di Pulau Pinang. Mereka membuat tempahan sekurang-kurangnya dua hingga tiga biji duri hitam sebagai hadiah istimewa untuk diberikan kepada rakan niaga atau bos mereka.

"Ramai yang berebut untuk membeli duri hitam setiap hari sampai kami terhutang kepada pembeli disebabkan mereka tel-



DURI hitam digemari ramai kerana rasanya yang manis dan pahit.



CHEE KEAT memeriksa durian duri hitam di dusunnya yang terletak di Balik Pulau, Pulau Pinang semalam.

ah membuat pembayaran awal," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Chee Keat memberitahu, durian duri hitam menjadi pilihan utama berikutan pengeluaran buah itu sudah tidak banyak selain harganya yang mahal menjadikan ia eksklusif.

Jelas lelaki itu, kebanyakan pelanggannya memaklumkan durian duri hitam tidak boleh

itu," katanya. Tambah lelaki itu, durian duri hitam dijual pada harga RM75 sekilogram berbanding RM90 hingga RM120 sekilogram pada awal musimnya, Mei lalu.

"Memang berlaku penurunan harga sehingga RM65 sekilogram tetapi disebabkan tempahan meningkat dan pengeluarannya terhad, maka ada peniaga yang menaikkan harga RM10 lagi ketika ini," katanya.

Sementara itu, seorang pengurus syarikat swasta yang hatinya mahu dikenali sebagai Erick memberitahu, pemberian hadiah durian duri hitam kepada ketua adalah sebagai tanda terima kasih atas kerjasama yang terjalin selama ini.

"Jangan salah sangka pemberian hadiah (duri hitam) ini. Kami bukan hendak membodek untuk kenaikan pangkat, tetapi lebih kepada penghargaan selain memberi peluang kepada mereka untuk merasai buah istimewa yang ditanam di dusun Balik Pulau ini.

"Nilai tiga biji durian duri hitam menyamai harga sebatang tem berjenama prestij. Lagi-lagi (duri hitam) hanya berbuah mengikut musim," katanya.

17/8/2021

BERITA
KOMENTAR
HARIAN

11

Langkah strategik 'talian hayat' PKS kekal operasi ketika pandemik

Oleh Dr Ariff Azly Muhamed
bhrencana@bha.com.my



Pensyarah Kanan
di Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantaian Bekalan,
Fakulti Perniagaan
dan Pengurusan,
Universiti Teknologi
MARA (UTM)

Situasi pandemik memberi kesan langsung kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) hingga memerlukan Pelan Pemulihan Negara (PPN) merangkumi beberapa fasa sebagai langkah strategi keluar khususnya pembukaan sektor industri secara berperingkat.

Semalam, 11 aktiviti ekonomi dalam sektor perdagangan dan pengedaran dibenarkan kembali beroperasi di negeri yang masih berada dalam Fasa Satu PPN dengan syarat mencapai sekurang-kurangnya 50 peratus vaksinasi lengkap kepada populasi dewasa.

Bagaimanapun, majoriti sektor PKS masih bergelut susulan kesan pandemik yang mengubah pola ekonomi dan pasaran tempatan. Oleh itu, dua langkah strategik perlu diberi perhatian pengusaha sebagai talian hayat untuk terus kekal beroperasi.

Rata-rata PKS berdepan kekangan sama seperti masalah sumber kewangan, kepakaran terhadap kegunaan teknologi dan persaingan. Namun, sektor PKS merangkumi lebih 90 peratus syarikat berdaftar, sekali gus menjadi tulang belakang ekonomi.

PKS juga menyediakan sebahagian besar peluang pekerjaan, pencetus inovasi dan lambang keusahawanan, selain penyokong dan rakan strategik syarikat besar.

Pemasaran strategik menjadi pendekatan utama perlu diberi perhatian PKS. Pemasaran strategik mampu dilaksanakan melalui tiga komponen, iaitu risikan pasaran, perkongsian pasaran dan responsif terhadap pelanggan.

Risikan pasaran penting dilaksanakan, terutama industri pengeluar produk keperluan harian serta asas seperti makanan dan minuman, kosmetik dan bahan mentah. PKS perlu sentiasa cakna kehendak semasa pelanggan.

Contohnya, sewaktu Fasa Satu dan Dua PPN, pengguna lebih banyak berada di rumah susulan sistem bekerja dari rumah dan aktiviti luaran terhad.

Oleh itu, PKS perlu melihatnya sebagai peluang menawarkan perkhidmatan penghantaran terus produk ke rumah dengan caj minimum atau percuma untuk menarik perhatian pengguna kerana menjimatkan masa dan tidak perlu bersesak di luar rumah.

Perkongsian pasaran juga strategi terbaik kepada PKS untuk kekal berdaya saing sewaktu pandemik melalui perkongsian strategik dua syarikat dalam membekalkan produk.

Contohnya, pengusaha makanan dan minuman boleh melakukan penyumbuhuran perkhidmatan pembungkusan serta penghantaran kepada PKS lain.

Ini akan membantu usahawan memfokuskan kualiti produk dan menjimatkan modal operasi atau kos bahan mentah. Kita sering melihat syarikat penghantaran barangan bekerjasama

dalam sesuatu keadaan, tetapi bersaing dan kompetitif dalam keadaan lain.

Bagi kawasan tertentu mempunyai penghasilan kecil atau pasaran rendah untuk sesuatu masa umpamanya, syarikat penghantaran akan berkongsi dan memberi ruang kepada syarikat lain lebih dominan di sesuatu kawasan tertentu untuk mengambil alih dan menyempurnakan penghantaran. Ini memberi situasi perkongsian 'menang-menang'.

Konteks responsif terhadap kehendak dan aduan pelanggan pula, mampu membantu usahawan PKS berdaya saing pada peringkat tempatan dan global.

Ini dapat diterjemahkan apabila kehendak pelanggan sewaktu penularan pandemik berubah 180 darjah kerana sebelum pandemik, pengguna cenderung melakukan transaksi tunai, tetapi kini berubah kepada transaksi tanpa tunai atau 'talian hayat'.

Dalam memperkasa PKS, selain sokongan padu sektor kewangan dan perbankan, rantaian bekalan berperanan mengukuhkan kecekapan dan kecekapan operasi sewaktu penularan pandemik.

Ini perlu diberi perhatian oleh PKS supaya proses pengurusan rantaian bekalan tidak terganggu. Komitmen antara syarikat terbabit dalam rantaian bekalan penting untuk memastikakan orientasi strategik rantaian bekalan PKS terjamin.

Perkara ini mampu dicapai apabila dua atau lebih syarikat PKS terbabit dalam rantaian bekalan, memahami secara selari keperluan operasi dan sasaran pasaran.

Oleh itu, PKS perlu memberi perhatian seawajarnya untuk memilih rakan strategik bagi mencapai kecekapan optimum.

Memperkasa sektor PKS sewaktu PPN menjadi tanggungjawab bersama antara syarikat sektor berkenaan dan kerajaan. Justeru, pelan pemulihan strategik PKS perlu dirangka secara kolektif membabitkan semua pemegang taruh untuk menjamin kelestarian serta kelangsungannya.



Pemilihan strategik menjadi pendekatan utama perlu diberi perhatian PKS.

Kerepek Home pilihan penggemar kerepek

Menjadi pusat
 setempat dengan
 menawarkan lebih
 200 aneka snek dan
 kudapan

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

PULAU PINANG

Perniagaan berasaskan makanan yang dilihat kurang terjejas berikutan pandemik Covid-19 menjadi pilihan buat usahawan, Rusdi Awang membuka Kerepek Home yang terletak di Jalan Permatang Pauh, di sini.

Memulakan perniagaan pada Januari tahun ini, usahawan berusia 47 tahun itu memberitahu, Kerepek Home menjadi pusat setempat kepada orang ramai mendapatkan aneka kudapan atau kerepek, kuih tradisional dan moden, makanan sejuk beku, kuah rojak, jeruk serta makanan ringan lain.

Menurutnya, perusahaan kerepek mempunyai kelebihan tersendiri kerana makanan ringan dan snek itu digemari ramai tam-

pa mengira lapisan usia malah sesuai dinikmati bila-bila masa sahaja.

"Saya lihat perniagaan kerepek mempunyai potensi yang baik untuk menjana pendapatan kerana permintaan sentiasa ada, bahkan ia sering dijadikan buah tangan atau kudapan pada sebuah majlis.

"Kami menawarkan lebih 200 produk dan variasi kerepek yang kebanyakannya dihasilkan oleh usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di kawasan utara," katanya ketika ditemui di premisnya baru-baru ini.

Menurut Rusdi, perniagaan kerepek dan makanan ringan yang diusahakannya turut ada 'pasang surut' kerana selera pelanggan yang berubah-ubah mengikut trend.

Sehubungan itu, sebagai persediaan menghadapi cabaran perniagaan masa kini, ujar Rusdi, pihaknya turut memanfaatkan teknologi digital untuk memasarkan produk.

"Benar, pandemik Covid-19 menyebabkan perniagaan agak perlahan namun itu bukan alasan untuk usahawan tidak mencari jalan dan strategi lebih menarik untuk menjual produk.

"Kami produk Kerepek Home boleh didapati melalui platform media sosial seperti Facebook dan Instagram malah boleh dipesan menggunakan aplikasi e-dagang dan penghantaran makanan seperti foodpanda," katanya.

Diitanya mengenai perancang-



Rusdi bersama pekerjaannya, Najihah Izzah (kanan) menunjukkan kerepek yang dijual.



Lebih 200 produk dan jenis kerepek dijual di gerai di Kerepek Home.

Beberapa lokasi lain juga katanya sedang dipelajari sebagai cawangan baharu setakat lagi premis yang akan dibuka perniagaan Kerepek Home di utara Semenanjung Malaysia.

an perniagaan pada masa akan datang. Rusdi menjelaskan dia sedang mempersiapkan sebuah lagi premis yang akan dibuka pada minggu hadapan di Taman Angsana, Kulim.